

UUM/0053/BH/26.08.2001

Lima pensyarah UUM hasut siswa

BH
26/8/2001
UN/12

Oleh JOHARI IBRAHIM

4 SINTOK: Lima pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) dikenal pasti terbabit secara langsung menghasut pelajar supaya cenderung kepada parti politik pembangkang untuk menentang kerajaan, mengkritik Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan pentadbiran universiti.

4 Mereka memiliki ijazah sarjana dari universiti luar negara termasuk dari United Kingdom dan kini mengajar dalam jurusan pengurusan, perakaunan, teknologi maklumat dan sains sosial.

Ketika mendedahkan perkara itu semalam, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri, berkata sebuah jawatankuasa sudah dibentuk bagi menyiasat kegiatan pensyarah itu sebelum dihadapkan ke Lembaga Tatatertib untuk tindakan lanjut.

"Siasatan UUM juga mendapati pensyarah itu pernah menghantar artikel yang mengkritik universiti, pentadbiran dan kerajaan menerusi laman web antikerajaan," katanya.

Beliau berkata nama lima pensyarah itu sudah diserahkan kepada polis.

Sehingga semalam, beliau cuma mengesahkan UUM menyiasat lima pensyarah terbabit dan empat pelajar berhubung pembabitian dengan gerakan militan, bukan 10 orang seperti yang dilaporkan akhbar semalam.

Beliau berkata, pelajar UUM yang terpengaruh dengan gerakan militan memberi tumpuan kepada tiga agenda perjuangan, iaitu menentang pentadbiran universiti, AUKU dan mempengaruhi pelajar menyokong mereka.

Katanya, kumpulan pelajar yang berjuang menegakkan negara Islam secara militan itu pernah cuba mempengaruhi pelajar lain membencinya ketika menjawat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).

Selain itu, katanya mereka mengajak pelajar yang masih tidak bersama mereka menyertai gerakan itu.

LIHAT MUKA 5